

SAMBUTAN HARI AUDIT SE MALAYSIA TAHUN 2008

Hari Audit Se Malaysia Tahun 2008 telah berlangsung dengan jayanya pada 24 Oktober 2008 bertempat di Akademi Audit Negara, Bandar ENSTEK, Nilai, Negeri Sembilan. Sambutan ini merupakan sambutan kali ke-empat semenjak diadakan pada penghujung tahun 2005. Secara umum sambutan Hari Audit Se Malaysia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan kepentingan peranan audit dalam mewujudkan akauntabiliti di sektor awam. Tema sambutan adalah "Peranan Juruaudit Ke Arah Membudayakan Perbelanjaan Berhemat" telah dipilih selaras dengan saranan Kerajaan tentang pentingnya setiap Jabatan/Agensi mengamalkan budaya perbelanjaan berhemat dalam menguruskan wang awam.

Majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2008 telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Azmi bin Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Majlis ini telah dihadiri oleh 500 orang yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi, ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Firma Audit Swasta serta pegawai kanan serta warga Jabatan Audit Negara.

Ketua Audit Negara dalam ucapan aluannya telah menekankan mengenai peri pentingnya setiap penjawat awam menghayati bahawasanya setiap perbelanjaan Kerajaan hendaklah berlandaskan prinsip '*value for money*' yang mengambil kira aspek-aspek ekonomi, kecekapan dan keberkesanan dalam cara sesuatu agensi Kerajaan menggunakan sumbernya bagi mengelak daripada berlakunya pembaziran, pemborosan atau penyelewengan. Beliau juga telah menyentuh mengenai sistem penarafan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan sektor awam yang diperkenalkan oleh Jabatan Audit Negara. Pada hemat beliau, melalui sistem ini, akauntabiliti dan integriti Pegawai Pengawal dalam menguruskan kewangan agensinya dari segi mematuhi segala peraturan dan prosedur kewangan Kerajaan. Hasil daripada sistem penarafan indeks akauntabiliti ini akan membolehkan Pegawai Pengawal mengetahui aspek pengurusan kewangan yang memerlukan penambahbaikan. Beliau juga memaklumkan bahawa pada tahun 2008, lebih banyak agensi Kerajaan yang akan diberi penarafan AI. Selain daripada agensi di bawah kategori wajib, sejumlah 211 agensi lagi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan terlibat. Ini berbanding dengan 146 agensi di bawah kategori giliran pada tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dalam uaputama beliau telah mengingatkan semua Ketua Jabatan agar Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008 mengenai Garis Panduan Bagi Perbelanjaan Secara Berhemat dipatuhi sepenuhnya bagi membantu Kerajaan dalam mengawal perbelanjaan serta menerapkan budaya berjimat cermat di kalangan penjawat awam. Beliau juga mengucapkan syabas kepada Jabatan Audit Negara yang telah memperkenalkan pelaksanaan sistem Indeks Akauntabiliti. Beliau berharap agar pelaksanaan sistem ini dapat menambah baik pengurusan kewangan sesebuah Kementerian, Jabatan dan Agensi ke arah menzahirkan pengurusan kewangan Kerajaan yang cemerlang. Beliau juga menjelaskan bahawa Laporan Ketua Audit Negara yang memaparkan isu-isu berhubung ketidakpatuhan peraturan kewangan dan pembaziran pada setiap tahun banyak membantu meningkatkan kesedaran penjawat awam mengenai perlunya menguruskan perbelanjaan dengan lebih teratur. Beliau juga turut menyentuh mengenai prinsip integriti dan akauntabiliti yang perlu diamalkan

sepenuhnya oleh penjawat awam. Di akhir ucapan beliau menyentuh mengenai tanggungjawab dan peranan aktif Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam di peringkat Persekutuan dan Negeri untuk meneliti isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan memanggil Ketua-ketua Jabatan terlibat.

Di antara program yang telah disusun untuk majlis ini adalah pelancaran Portal Jabatan Audit Negara, penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan kepada 10 Jabatan dan agensi, penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat kepada 17 Jabatan/agensi dan sumbangan buku kepada lima sekolah terpilih di sekitar Negeri Sembilan.

Sambutan Hari Audit Se Malaysia Tahun 2008 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pihak luar dan dalam Jabatan. Dengan adanya acara sebegini, maka dapatlah memberi ruang dan peluang kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk memahami peranan Jabatan Audit Negara dengan lebih mendalam dalam meningkatkan akauntabiliti sektor awam.



Ketua Audit Negara memberikan ucapan aluan



Y.B. Dato' Seri Azmi, Pengerusi PAC menyampaikan ucaptama



Pelancaran Portal Jabatan Audit Negara & Persembahan Klip Video



Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan
Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti



Penyampaian Sijil Penyertaan Program Anak Angkat



Sumbangan Buku Kepada Sekolah Terpilih



Tetamu yang Hadir



Lawatan ke Pameran



Sidang Media

